



22132823



MALAY AB INITIO – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS AB INITIO – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO AB INITIO – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Friday 10 May 2013 (afternoon)
Vendredi 10 mai 2013 (après-midi)
Viernes 10 de mayo de 2013 (tarde)

1 h 30 m

TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for paper 1.
- Answer the questions in the question and answer booklet provided.

LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

TEKS A



ARTIS YANG SAYA MINATI

Sahabatku Linda,

Apa khabar kamu dan keluarga di sana? Saya harap semoga semuanya sihat sejahtera. Saya dan keluarga di sini juga sihat sejahtera.

Baru-baru ini saya telah berkenalan dengan seorang artis muda yang diminati ramai remaja. Saya juga amat meminati artis tersebut. Biarlah saya berkongsi maklumat tentang artis tersebut dengan kamu.

Elly Mazlein ialah nama artisnya yang dikenali ramai. Nama sebenarnya ialah Sharifah Aida Mazlina Syed Hanafi. Dia lahir pada 17 Disember 1980 dan berbilang Sagitarius. Artis muda berumur dua puluh tiga tahun ini berasal dari Sungai Behrang, Perak. Elly sangat manja dalam keluarganya kerana dia ialah anak bongsu daripada tiga orang beradik.



Kini Elly sangat sibuk mempromosikan album terbarunya, “Sabarlah Hati”. Elly tidak dapat menerima tawaran untuk berlakon filem atau drama kerana terlalu sibuk menumpukan perhatian dalam bidang nyanyian pada masa ini.

Perkara yang saya paling suka pada artis muda ini ialah sikapnya yang sangat pentingkan kesihatan fizikal dan mental. Dia selalu bersenam untuk menjaga kesihatan badannya. Dia suka berjoging dan berenang. Menurut Elly, kalau hari hujan, dia tidak akan keluar berjoging atau berenang tetapi bersenam di dalam rumah sahaja. Mula-mula dia akan berasa letih, tetapi setelah bersenam selama lima belas hingga dua puluh minit, dia akan berasa seronok dan cergas!

Selain daripada berjoging dan berenang, Elly juga amat menggemari badminton seperti saya dan kebanyakan masyarakat Malaysia yang lain.

Menurut Elly, sebagai seorang pelakon dan penyanyi, dia sentiasa sibuk. Dia mempunyai banyak program dan kadang-kala berasa sangat stres. Apabila dia stres, dia akan berhenti kerja dan berehat. Dia akan keluar berjalan-jalan atau menonton wayang. Elly juga rajin pergi ke spa untuk merehatkan minda dan badannya jika terlalu stres bekerja. Selain itu, dia mengamalkan diet yang sihat untuk menjaga kesihatan badannya. Dia makan banyak buah-buahan dan sayur-sayuran serta minum air yang cukup. Menurut Elly lagi, tidur dan rehat yang cukup juga penting untuk badan yang sihat. Itulah rahsia kecantikan dan kesihatan diri Elly.

Saya mahu mengamalkan gaya hidup seperti Elly supaya badan saya sihat dan cantik! Kamu juga mahu hidup sihat dan cantik seperti Elly, bukan? Cubalah!

Sekian dahulu surat saya kali ini. Sampaikan salam kasih saya kepada keluargamu di sana! Jangan lupa balas surat ini, ya? Terima kasih.


Sahabatmu,

Kasturi

Disesuaikan daripada *Rapi* (2013)

TEKS B

MEMANCIING DI PULAU JARAK



1

Setiap tahun kami pergi memancing di Pulau Jarak, Perak, dengan menaiki bot kapten Ah Ho. Biasanya kami akan bertemu dengannya di jeti Bagan Datoh. Ramai orang suka pergi memancing di pulau ini kerana ikan-ikannya banyak dan besar-besar belaka!

2

5

Setibanya kami di jeti Bagan Datoh, kapten Ah Ho dan Pak Mat menunggu kedatangan kami. Mereka tersenyum mesra. Kapten Ah Ho membawa kami ke botnya. Sebelum itu, kami terpaksa mengangkat barangan kami dari kereta ke atas bot. Setelah semua barangan memancing diangkat naik ke bot, kami mengunci kereta masing-masing. Setelah senarai nama semua orang yang menaiki bot untuk pergi memancing diambil, bot pun berlepas ke Pulau Jarak pada awal pagi. Kali ini, ramai orang baru seperti Redza, Rafi, Rahim, Zihar dan Tapa menyertai kami. Bagi Rafi, ini kali pertama dia memancing di Pulau Jarak.

10

3

Perjalanan dari jeti Bagan Datoh ke Pulau Jarak mengambil masa enam jam. Cuaca pada pagi itu tenang. Bot yang kami naiki cukup selesa dengan kemudahan seperti tandas dan bilik air. Dalam perjalanan ke pulau tersebut, pelbagai aktiviti yang kami lakukan di atas bot. Ada yang tidur. Saya pula membantu Tapa menyediakan peralatan memancingnya. Pak Mat sibuk memasak makanan tengah hari untuk kami. "Mancing, mancing juga, tapi, makan dulu baru memancing," katanya sambil ketawa.

15

4

Setelah tiba di Pulau Jarak, kami terus [- X -] diri dan makan malam. Kemudian, kami masuk tidur. Pada pagi kedua, cuaca cukup baik. Laut tenang dan botnya tidak bergoyang. Pak Mat menyediakan [- 19 -] untuk kami. Selepas bersarapan, kapten Ah Ho [- 20 -] kami ke tempat memancing di sekeliling Pulau Jarak. Kami mula [- 21 -]. Setelah lama menunggu, tiba-tiba joran Rafi bergoyang-goyang seperti ditarik ikan. Redza dan Rahim juga [- 22 -] ikan. Besar-besar belaka ikan-ikan tersebut! Ada yang beratnya lima kilogram, ada yang sepuluh kilogram. Setelah puas memancing selama tiga hari, kami pun pulang pada hari yang keempat dengan bakul yang penuh dengan ikan! Tahun depan kami pasti pergi lagi untuk memancing!

20

25

Disesuaikan daripada *Kembara Kail* (2012)

TEKS C

HUTAN HUJAN TROPIKA



- 1 Hutan hujan tropika ialah khazanah (*treasure*) alam yang sangat berharga dan penting kepada kita. Ia membantu menjaga keseimbangan (*balance*) ekosistem alam sekitar. Ia menyimpan pelbagai khazanah yang memberi 1001 kebaikan kepada kita. Ia juga memberikan kayu balak dan spesimen biologi yang baru kepada alam sekitar. Hutan hujan tropika juga merupakan habitat pelbagai jenis tumbuhan seperti pokok yang tinggi, pokok bunga seperti bunga orkid, tumbuhan herba, rumput dan sebagainya. Bunga yang paling besar di dunia, iaitu bunga Rafflesia, boleh didapati di hutan hujan tropika di Malaysia. Ia juga merupakan habitat pelbagai jenis haiwan seperti gajah, harimau, orang utan, monyet, kangaroo, ular, burung dan banyak lagi.
- 5 2 Hutan hujan tropika memenuhi hanya 12% permukaan tanah bumi (*earth*). Namun, ia menjadi habitat kepada hampir 50% hingga 90% spesies tumbuh-tumbuhan dan haiwan di dunia. Ia membekalkan makanan kepada haiwan yang makan buah-buahan, bijian, bunga, daun, dan sebagainya.
- 10 3 Hutan ini mempunyai banyak fungsi dan kepentingannya kepada manusia. Hutan hujan tropika membersihkan atmosfera dunia. Semasa tumbuhan menjalankan proses fotosintesis, ia menyerap karbon dioksida dan mengeluarkan oksigen. 70% daripada bekalan oksigen dunia datang daripada hutan hujan tropika. Ia juga menyimpan air. Hutan hujan tropika menyimpan hampir setengah daripada jumlah air hujan di dunia.
- 15 4 Hutan hujan tropika merupakan tempat asal kebanyakan tanaman makanan manusia dan haiwan. Makanan yang kita guna seharian seperti kopi, buah-buahan dan rempah berasal dari hutan hujan tropika. Hutan hujan tropika juga merupakan habitat pokok buah-buahan tempatan seperti durian, manggis dan rambutan. Pokok pisang, betik, mangga, nanas dan limau juga asalnya daripada hutan hujan tropika. Tumbuh-tumbuhan di hutan hujan tropika juga mempunyai nilai perubatan. Contohnya, ubat anti-Malaria, ubat untuk rawatan kanser serta ubat berkaitan penyakit jantung juga diambil daripada tumbuhan di hutan hujan tropika.
- 20 25 Dikatakan satu perempat ($\frac{1}{4}$) daripada preskripsi dadah dalam bidang perubatan adalah daripada sumber tumbuhan yang terdapat di hutan hujan tropika.

Disesuaikan daripada *Kuntum* (2012)

TEKS D

MARI MELANCONG KE JOGJA!



Anda belum pernah ke Indonesia? Mahu bercuti di Indonesia?

Kalau begitu, marilah berkunjung ke Jogjakarta! Anda pasti kagum dengan pelbagai tarikannya!

Anda berminat dengan kebudayaan? Berkunjunglah ke Jogja, pusat kebudayaan Jawa!

Jogjakarta lebih dikenali dengan nama Jogja. Jogja bukanlah pusat membeli-belah pakaian yang terkenal seperti Bandung atau sebuah kota metropolitan seperti Jakarta. Jogja adalah sebuah pusat kebudayaan. Itulah keistimewaan kota Jogja. Ia mempunyai pelbagai pusat seni dan kebudayaan. Terdapat pusat seni pertunjukan dan pusat seni tarian di Jogja. Antara pertunjukan yang diminati pelancong dan terkenal di Jogja ialah pertunjukan muzik gamelan dan wayang kulit serta tarian Ramayana.

Anda pernah mendengar nama Malioboro? Tahu apa maksudnya?

Malioboro bermaksud karangan bunga dalam bahasa Sanskrit. Ia merupakan nama sebatang jalan yang terletak di tengah-tengah kota Jogja. Sepanjang jalan ini penuh dengan pelbagai jenis aktiviti yang sangat menarik. Anda boleh melihat pelbagai jenis kraftangan yang cantik sambil menikmati muzik daripada pemuzik jalanan di sepanjang Jalan Malioboro ini. Cenderamata seperti barangan kayu, pakaian, kraftangan batik dan bahan hiasan boleh didapati dengan harga yang berpatutan.

Anda berminat dengan sejarah? Melanconglah ke Jogja!

Di Jogja terdapat candi-candi lama yang penuh dengan cerita-cerita misteri. Antara candi yang terkenal di Jogja ialah candi Prambanan dan Borobudur. Candi Prambanan dibina pada abad ke-10, dan merupakan candi Hindu. Bangunan candi ini empat puluh tujuh meter tingginya. Ia mempunyai senibina yang sangat cantik. Candi Borobudur ialah candi Buddha yang terbesar pada abad ke-9.

Mahu menikmati keindahan alam semulajadi yang menakjubkan? Jogjalah tempatnya!

Pantai Parangtritis adalah antara pantai yang paling terkenal di Jogja. Perjalanan ke Kaliurang, sebuah pekan kecil di kaki gunung berapi yang masih aktif, amat menyegarkan. Panaroma matahari terbit di sebalik gunung berapi atau nama Indonesiannya Gunung Merapi, sangat indah. Lokasi Kaliurang yang terletak di kaki gunung berapi membolehkan anda menikmati udara yang sejuk dan segar.

Disesuaikan daripada *Rezeki* (2012)